

Serlahkan Identitimu

Berdasarkan bahan (Buku teks halaman 158 & 159) huraikan pendapat anda tentang usaha pelestarian pemakaian pakaian tradisional.

Padankan tempat-tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

kaedah promosi	identiti	Tegasnya
berganding bahu	dilupakan	pakaian batik
pakaian tradisional	Selain itu	pihak kerajaan
tak kenal maka tak cinta	kemampuan	Sebagai contoh
bagai aur dengan tebing	ala-ala barat	Nenek moyang kita
segenap lapisan masyarakat	menganjurkan pelbagai pameran	
program pertukaran budaya	tiada kusut yang tidak boleh dilepaskan	
tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas		

Malaysia mempunyai pelbagai jenis pakaian tradisional yang berbagai bentuk dan warna sesuai dengan masyarakatnya yang majmuk. Kini, (1) _____ seperti kebaya Melayu, sari India dan cheongsam Cina masih digunakan. Namun, budaya pemakaian tradisional ini semakin (2) _____. Kebanyakan remaja Malaysia pada era globalisasi ini lebih menyukai pakaian (3) _____. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang boleh diambil untuk memastikan budaya pemakaian pakaian tradisional (4) _____ ?

Cara paling efektif untuk memartabatkan warisan pemakaian pakaian tradisional di Malaysia adalah melalui (5) _____. Hal ini demikian kerana (6) _____. Melalui promosi, orang ramai dapat mengetahui dan terdorong untuk mengenali sesuatu produk. Cara-cara mempromosikannya ialah (7) _____, mengadakan forum, menyebarkan poster, membina papan iklan serta mengedarkan risalah. Lawatan kebudayaan dan festival kebudayaan juga sangat berkesan agar pakaian tradisional Malaysia dikenali oleh (8) _____. Pendek kata, kaedah promosi adalah salah satu usaha pelestarian pakaian tradisional yang efektif.

(9) _____, langkah yang boleh diambil untuk melestarikan pemakaian pakaian tradisional adalah dengan mengadakan (10) _____. Hal ini dikatakan demikian kerana pendedahan sebegini amat penting dalam mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional yang seharusnya diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi. (11) _____, program pertukaran belia antarabangsa dapat memperkenalkan pakaian tradisional Malaysia di persada dunia. (12) _____, masyarakat seluruh dunia dapat mengenali Malaysia dan budaya pemakaian pakaian tradisional negara kita melalui program pertukaran budaya.

Seterusnya, kerajaan juga harus turut sama (13) _____ dan memainkan peranan dalam mengekalkan budaya pemakaian tradisional ini. Hal ini dikatakan begitu kerana kerajaan memiliki kuasa dan (14) _____ untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Sebagai contoh, kerajaan telah mewajibkan pemakaian (15) _____ oleh kakitangan kerajaan pada setiap hari Khamis. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan pula boleh mengadakan pertunjukan pemakaian tradisional demi menarik minat rakyat Malaysia supaya mencintai pakaian tradisional bangsa mereka sendiri. Justeru, usaha melestarikan pemakaian pakaian tradisional boleh juga dilaksanakan oleh (16) _____.

Sebagai kesimpulannya, (17) _____, tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Oleh hal yang demikian, semua pihak harus (18) _____ untuk memastikan jati diri kita tidak terhakis. Dalam erti kata lain, berbanggalah dengan pakaian tradisional kita sendiri kerana hal itu dapat melambangkan (19) _____ sesebuah masyarakat itu sendiri. Warisan rakyat Malaysia haruslah diselamatkan kerana warisan kita tanggungjawab kita. (20) _____ yang menciptanya, kita yang harus mengekalkannya.